

Isu boikot minyak sawit Malaysia

India belum buat kenyataan, rasmi

Kuala Lumpur: Kerajaan India belum membuat sebarang kenyataan berhubung isu minyak sawit Malaysia walaupun ada pihak tertentu menggesa tindakan memboikot komoditi itu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Yang lebih penting ialah kerajaan mereka belum buat sebarang kenyataan. Oleh itu, kita tunggulah dasar kerajaan (India) mengenainya,” kata Perdana Menteri kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai laporan pihak tertentu di India yang tidak berpuas hati susulan kenyataan beliau mengenai Jammu dan Kashmir pada Perhim-

punan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), New York, bulan lalu.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mencari kaedah berkomunikasi dengan pihak di India, sambil menegaskan bahawa Malaysia tidak akan mengubah pendirian berhubung isu Kashmir dan Jammu.

“Kita menyatakan pendirian dan kita tidak akan menarik balik atau menukar pendirian. Rakyat Kashmir mendapat manfaat daripada resolusi PBB.

“Apa yang kita nyatakan ialah semua pihak, bukan saja India atau Pakistan, tapi juga Amerika

Syarikat dan negara lain perlu mematuhi resolusi PBB. Jika tidak, apa perlunya PBB wujud,” katanya.

Ditanya sama beliau bimbang dengan hubungan tegang antara Malaysia dan India, Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu bersuara mewakili pihak tertentu walaupun ia mungkin tidak disukai pihak lain.

“Malaysia ialah negara dagang, kita perlukan pasaran, oleh itu kita berbaik dengan orang lain, namun kita juga perlu memperjuangkan pihak lain, ada kalanya apa yang kita cakap digemari dan ada yang tidak disukai,” katanya.